

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengenai langkah-langkah yang diambil bagi membantu penggerak-penggerak seni budaya seperti penggiat teater, aktivis seni budaya, pelukis dan pengarca, penyair, penggiat seni tradisional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Jabatan dan Agensi di bawahnya prihatin terhadap penggerak-penggerak seni budaya yang telah terjejas berikutan penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Sehingga 15 Oktober 2020, Kementerian ini telah menyalurkan lebih RM2juta yang memanfaatkan 257 Badan Bukan Kerajaan (BBK) Kebudayaan di seluruh negara. Bantuan kewangan ini dapat membantu BBK dalam pentadbiran, penganjuran program yang mematuhi SOP semasa serta penerbitan buku dan risalah berkaitan kebudayaan.

2. Pelaksanaan Panggung Seni Tradisional (PST) diteruskan, yang mana hasil penjualan tiket disalurkan kepada kumpulan yang mengambil bahagian, seterusnya membantu kumpulan-kumpulan tersebut dalam kelangsungan aktiviti kesenian tradisi. Pada tahun 2020, pelaksanaan PST

dilaksanakan secara rakaman dengan penglibatan pelapis muda dan tokoh seni budaya berikutan penularan COVID-19. Pendokumentasian ini secara tidak langsung dapat memperbanyakkan kandungan digital seni budaya tradisi yang lebih mudah diakses oleh masyarakat.

3. Selain itu, Insentif Seni telah diwujudkan sebagai galakan berkarya kepada penggiat seni budaya. Insentif ini merupakan bantuan dan perkhidmatan disediakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) untuk Badan Bukan Kerajaan (BBK) Kebudayaan serta penggiat seni dalam usaha bagi menambah upaya penggiat seni dalam melaksanakan program dan aktiviti. Insentif ditawarkan dalam bentuk kewangan dengan had maksima RM15,000, insentif penggunaan ruang seperti studio latihan, bilik seminar, auditorium dan gelanggang gasing, insentif kepakaran dalam bentuk khidmat nasihat dan jurulatih seni budaya, serta insentif promosi melalui medium sedia ada JKKN.

4. Program Perantisan diteruskan untuk memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus melalui pewujudan kumpulan pelapis dalam aspek kesenian seni tradisional yang dipilih. Program ini turut memberi peluang kepada tokoh dan adiguru untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman kepada pelapis muda selain memperoleh pendapatan berbentuk elaun.

5. Pembangunan seni visual Malaysia juga dilaksanakan melalui penganjuran beberapa program seni dengan penglibatan keseluruhan ekosistem seperti penggiat seni, pihak galeri awam dan swasta, pemain industri dan pelukis jalanan (*street artist*).

6. Program *Rural Experiential Art Tourism* dianjurkan secara kerjasama di antara Balai Seni Negara dan pelukis dalam mengangkat seni visual tempatan terutama ruang residensi seni dan studio pelukis di kawasan luar bandar. Usaha ini membantu pihak artis membangunkan studio seni atau residensi seni meneruskan kelangsungan setelah terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

7. Penggerak-penggerak seni budaya juga diiktiraf dan dibantu dengan pelantikan sebagai Adiguru sebagai pakar rujuk, mendapatkan khidmat profesional industri sebagai tenaga pengajar/ panel penilai kurikulum, melaksanakan kerjasama program akademik dan seni budaya serta yang terbaharu program bimbingan keusahawanan.

8. Selain itu, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran dibangunkan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran terutamanya dalam tempoh penularan pandemik COVID-19. Program ini dijangka akan dapat memanfaatkan seramai 500 orang peserta.

9. Di samping itu, pakar-pakar dalam bidang berkaitan untuk mengajar di Pusat Pengembangan Warisan Jabatan Warisan Negara (JWN) turut dijemput untuk memberi nasihat pakar serta memberikan bantuan dari segi keperluan logistik, sebagai contoh pembinaan bangsal Wayang Kulit di Kelantan.

10. Terdapat juga penggiat seni daripada pelbagai bidang seni dan budaya seperti bangsawan, cerita rakyat, tarian, muzik, teater, seni halus dan kraf yang diiktiraf sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WaKOH) di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Tokoh-tokoh ini akan diberi insentif termasuklah wang tunai RM20,000, serta sokongan dan bantuan dalam mengembangkan karya seninya melalui usaha-usaha bersama Kementerian.

Sekian, terima kasih.